



Rumah bernilai RM500,000 ke bawah dikecualikan duti setem sepenuhnya sehingga akhir 2025.

(Foto hiasan)

Sasar bina 500,000 rumah mampu milik menjelang 2025

Kediaman bernilai RM500,000 ke bawah dikecualikan duti setem

Kuala Lumpur: Majlis Perumahan Mampu Milik Negara menyasarkan pembinaan 500,000 rumah mampu milik di seluruh negara menjelang 2025.

Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata peruntukan bagi bina baharu dan baik pulih rumah di luar bandar pada tahun depan juga ditingkatkan daripada RM361 juta kepada RM460 juta.

Beliau berkata, untuk kawasan bandar pula, RM367 juta peruntukan disediakan untuk Program Perumahan Rakyat (PPR), termasuk untuk projek baharu di Marang, Terengganu dan Arau, Perlis, yang akan memanfaatkan 12,400 bakal penghuni.

Selain itu, katanya, untuk menggalakkan pemilikan rumah pertama sebelum ini, duti setem bagi rumah bernilai RM500,000 ke bawah dikecualikan sepenuhnya sehingga akhir tahun 2025.

BAJET
2023

“Bagi urusan surat cara pindah milik harta tanah dan perjanjian pinjaman rumah bernilai lebih RM500,000 hingga RM1 juta, pengecualian bayaran duti setem akan dinaikkan daripada 50 peratus hingga 75 peratus sehingga 31 Disember 2023.

“Langkah ini bertujuan menggalakkan pemilikan rumah pertama, yang mana sebelum ini, duti setem bagi rumah bernilai RM500,000 ke bawah dikecualikan sepenuhnya hingga akhir tahun 2025.

“Sebagai contoh, katanya, pengecualian 100 peratus duti setem ke atas pembelian rumah bernilai RM300,000 akan menjimatkan RM6,500, manakala pengecualian 75 peratus duti setem ke atas pembelian rumah bernilai RM750,000 akan menjimatkan RM15,000,” katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Pengecualian duti setem

Tengku Zafrul berkata, pada masa ini, pengecualian duti setem sepenuhnya diberikan ke atas surat cara pindah milik harta tanah antara suami isteri tetapi hanya 50 peratus antara

ibu bapa dan anak.

“Memandangkan kasih sayang antara ibu bapa dan anak tidak mungkinlah separuh, kerajaan bercadang mulai tahun 2023, semua pindah milik harta tanah atas dasar kasih sayang antara keluarga seperti daripada suami kepada isteri, bapa kepada anak atau datuk kepada cucu hanya dikenakan duti setem sebanyak sepuluh ringgit,” katanya.

RM358
juta

peruntukan bina 4,250 unit rumah Program Rumah Mesra Rakyat

RM3
bilion

kemudahan jaminan pinjaman perumahan kerajaan menerusi Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) bantu 12,000 peminjam